



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

## **SIARAN MEDIA**

### **USAHAWAN SERTA PENIAGA PERLU LEBIH BERMOTIVASI DALAM MENGHADAPI SITUASI SEMASA COVID-19**

**KUALA LUMPUR, 11 Oktober 2020** – Penularan wabak pandemik COVID-19 yang telah melanda dunia seawal tahun ini telah menyebabkan banyak sektor terjejas khususnya segmen perniagaan yang melibatkan para usahawan di seluruh Malaysia.

Perlu diingat bahawa pandemik ini bukan sahaja menjejaskan usahawan tempatan malah perniagaan, perdagangan dan ekonomi negara seluruh dunia turut terkesan dengan impak yang besar ini. Oleh itu, dalam berhadapan dengan situasi yang mencabar dan tidak menentu ini, saya menyeru agar para usahawan sentiasa cekal dan tabah dalam menghadapi apa jua rintangan.

Saya tahu bukan mudah untuk meneruskan strategi perniagaan yang telah dirancang apatah lagi kelangsungan hidup, namun saya berharap para usahawan kekal positif dan tidak berputus asa. Kerajaan sentiasa komited untuk mendengar, membantu dan menyokong apa jua keperluan yang bersesuaian bagi memastikan para usahawan di Malaysia dapat bertahan dalam kemelut ini.

Kementerian melalui agensi seperti INSKEN menawarkan konsultasi percuma seperti eBiz Klinik yang merupakan kaunseling bisnes bersama BizKaunselor secara 'one on one' bagi memberi ruang kepada usahawan untuk berkongsi isu dan cabaran yang dihadapi. Agensi-agensi lain dibawah Kementerian seperti SKM, SMECorp dan IKM turut menawarkan latihan dan perkhidmatan 'coaching' untuk membantu para usahawan mendapat bimbingan keusahawanan.

Saya juga melihat bahawa seorang usahawan itu perlu mempunyai motivasi diri sebagai pendorong dalam membangkitkan semangat yang sedia ada dan perkara ini boleh dijadikan dorongan dengan sentiasa menyemai kata-kata seperti; "kesulitan itu akan membuatkan kita lebih kuat" dan "kejayaan akan sentiasa bersama orang yang cekal dan tabah dalam menghadapi cabaran"

Untuk itu saya menyeru agar para usahawan perlu bersabar dan penuh masa dengan meningkatkan ilmu dan pengetahuan dalam skil keusahawanan serta memperkuatkan fizikal dan mental untuk mengharungi cabaran global ini.

Dalam masa yang sama, saya juga menggesa para usahawan sentiasa mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh KKM bagi memutuskan rantai penularan wabak COVID-19 agar kelangsungan perniagaan dapat diteruskan dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) boleh dielakkan.

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**  
**MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**